






## SIARAN AKHBAR

### INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU KETIGA (Q3 2021) [DIKEMASKINI PADA 23 MAC 2022]

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku ketiga (Q3) 2021. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi).
2. **Nota:** Data di bawah perenggan 2 telah dikemaskini pada 23 Mac 2022.  
Pada Q3 2021, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 1.9% tahun-ke-tahun kepada 93.4 berbanding dengan Q3 2020, dan peningkatan sebanyak 0.4% berbanding dengan Q2 2021.

Tempoh	Indeks [Q1 2015 = 100]	Perubahan (%)	
		Dari Q3 2020	Dari Q2 2021
Q3 2021	93.4	1.9%	0.4%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 130 transaksi pembelian harta tanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q3 2021 berbanding dengan 103 transaksi pada Q2 2021. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* (63.1%); diikuti oleh rumah berkembar atau *semi-detached* (21.5%); rumah teres (11.5%) dan pangaspuri (3.9%). Tiada pembelian tanah melalui pembiayaan bank telah dicatatkan pada suku ketiga 2021.
  
4. Harga median bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q3 2021 adalah BND250,000. Ini adalah peningkatan sebanyak 4.2% tahun-ke-tahun berbanding dengan Q3 2020, dan penurunan sebanyak 9.7% berbanding dengan suku kedua tahun ini. Harga median

bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND258,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND265,000; bagi rumah teres adalah BND215,000; manakala bagi pangaspuri adalah BND250,000.

5. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antara lainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
6. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 23 Jamadilawal 1443H/ 28 Disember 2021M

Rujukan: BDCB/COMMS/3

\*Nota: Pengemarkinan telah dibuat pada 23 Mac 2022.